

## PROFIL PENCERAMAH



Nama: MOHD NORDIN ABDUL RAHMAN

Jawatan: Ketua Cawangan AKPK Pulau Pinang

Penceramah “cool dan bersahaja” dibawakan oleh AKPK kali ini berasal dari Taiping Perak dan telah berkhidmat di AKPK lebih daripada 12 tahun. Beliau amat berpengalaman dalam bidang perbankan dan pernah berkhidmat di Hong Leong Bank selama 13 tahun sebelum menyertai AKPK. Ilmu itu pelita hidup. Ini dapat dibuktikan apabila beliau mempunyai kelayakkan dalam bidang perakaunan (Ijazah Sarjana Muda), Executive Diploma in Financial Counselling (OUM, 2018), memperoleh Registered Financial Planner (Malaysian Financial Planning Council) dan turut mempunyai Shariah Registered Financial Planner (MFPC). Sebagai Ketua Cawangan Pulau Pinang beliau bertanggungjawab dalam mengawasi perjalanan dan perkembangan cawangan termasuk diberi mandat untuk menyampaikan ilmu pendidikan kewangan atau menyampaikan ceramah dan program latihan kepada pelbagai institusi utama termasuk kerajaan, swasta, perbankan, insurans malah di peringkat komuniti. Beliau turut membimbing peserta dalam sesi kaunseling dan menstrukturkan semula pinjaman kepada institusi kewangan dalam usaha membantu individu keluar dari masalah keberhutangan.